

PERSEPSI PELAKUAN AGRESIF DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI DI LIMA BUAH SEKOLAH DI KAWASAN BANDAR JOHOR BAHRU

AZIZI YAHAYA¹, YUSOF BOON², JAMALUDIN RAMLI³, SHAHRIN HASHIM⁴
& FAIZAH IDRIS⁵

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap tingkah laku agresif yang berlaku di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru. Secara khusus, kajian ini untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap faktor yang menyebabkan berlakunya perlakuan agresif pelajar dan jenis tingkah laku agresif yang berlaku di sekolah menengah. Dalam konteks kajian ini, hanya tiga persepsi pelajar sahaja yang dikaji, iaitu dari aspek faktor yang menjurus kepada perlakuan agresif pelajar, jenis tingkah laku yang berlaku di sekolah dan persepsi hipotesis. Seramai 260 orang pelajar yang dikategorikan sebagai agresif dari tingkatan satu, dua dan empat di lima buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru dipilih secara rawak berperingkat dilibatkan dalam kajian ini. Alat kajian ini ialah Instrumen Soal Selidik Senarai Semak Masalah Mooney yang mengandungi 64 item berbentuk skala Likert. Nilai kebolehpercayaan (*alpha croanbach*) alat kajian adalah 0.81. Secara keseluruhan, tahap persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif dan jenis berada pada tahap yang tinggi melebihi min 3.67. Dapatan hipotesis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, psikologi dan rakan sebaya dengan jantina. Di samping itu, terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku verbal dan anti sosial dengan pendapatan ibu bapa. Persepsi pelajar terhadap perlakuan agresif di sekolah menengah menunjukkan bahawa pelajar bertindak secara agresif berpunca daripada faktor-faktor berikut, iaitu suasana sekolah (min 4.1), latar belakang keluarga yang kurang memberikan perhatian kepada pelajar (min 3.86), sikap pelajar (min 3.88), psikologi (min 3.65) dan rakan sebaya (min 3.68). Tingkah laku agresif yang kerap dilakukan ialah tingkah laku fizikal (min 3.57), verbal (min 3.53) dan anti sosial (min 3.34). Dapatan kajian ini menunjukkan tahap agresif pelajar di sekolah adalah pada tahap yang tinggi. Cadangan untuk mengatasi masalah antaranya ialah pihak sekolah harus mengenal pasti budaya pelajar agresif dan memperkasakan program pembimbing rakan sebaya agar dapat mengurangkan masalah pelajar agresif.

Kata kunci: Faktor suasana sekolah; latar belakang keluarga; sikap pelajar; faktor psikologi; rakan sebaya; agresif

Abstract. The objective of the study is to identify the perception of the students on aggressive attitudes in five secondary schools in Johor Bahru. This study also attempts to identify the factor and types of aggressiveness among secondary school students. This study focused on three important aspects which was causes on students' aggressiveness, types of aggressive attitudes and hypothesis perception. A total of 260 questionnaires were distributed at random stage to aggressive student from form one, two and four. The instrument used for this research the Mooney Problem Check List. consist of 64 Likert skill items. The reliability value (*alpha croanbach*) for the instrument was at 0.81. Findings revealed that the level of students aggressiveness and the type of aggressiveness in secondary schools in

^{1,2,3,4&5}Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor

Johor Bahru were at the high mean score more than 3.67. Research hypothesis shows that there is no significant difference between school environment factors, family background, students attitudes, psychology, and peers group with gender. There is significant relationship between verbal behaviour and anti-social with family income. Students' perception between aggressive attitude in secondary school show that environment of the school is dominant (mean 4.1), less attention from family background (mean 3.8), students' attitude (mean 3.88), psychology (mean 3.65) and their friends (mean 3.68). The most common aggressiveness attitude among student was the physical attitude (mean 3.57), verbal (mean 3.53) and anti social (mean 3.34). Thus this research shows that the aggressive attitude among students was high. The study suggested that the school should identify aggressiveness culture among the students and should implement the peers program reduce the problems.

Keywords: School environment; family background; peer group; students attitude; psychology factor; aggressive

1.0 PENGENALAN

Fungsi sekolah sebagai sebuah institusi yang membentuk dan mendidik anak bangsa mengikut kehendak dan acuan wawasan negara merupakan satu tugas yang amat mencabar. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibu bapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa pada masa hadapan. Laporan akhbar (Harian Metro, 25 Mac 2004; Berita Harian 25 Mac 2004) menunjukkan bahawa peningkatan jumlah jenayah juvana yang dilakukan oleh pelajar sekolah seperti gangsterisme, pergaduhan, rogol, seks bebas dan buli telah sedikit sebanyak menjejaskan peranan sekolah sebagai pembentuk jati diri dan pendidikan generasi pada masa hadapan. Ini ditambah lagi dengan kejadian jenayah serta pelanggaran disiplin yang serius dalam kawasan sekolah (Utusan Malaysia, 25 Mac 2004). Masalah ini perlu ditangani dengan segera dan sebaik mungkin kerana ia bukan sahaja menjatuhkan imej sekolah sebagai institusi pembentuk jati diri dan pendidikan anak bangsa, tetapi juga akan memberi impak kepada survival dan kemajuan negara pada masa hadapan.

Permasalahan agresif yang menyalahi dan melanggar norma-norma yang terpelihara dalam masyarakat adalah merupakan persoalan yang semakin meruncing serta memerlukan satu set kaedah penyelesaian yang berkesan (Jawatankuasa Program Gejala Sosial Kebangsaan, 1995). Lee Lam Thye (1997) berpendapat kebanyakan remaja yang berusia 15 hingga 21 tahun terlibat dalam gejala vandalisme. Laporan yang dikeluarkan oleh Unit Disiplin Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1998), terdapat 53 jenis salah laku yang dilakukan oleh golongan pelajar. Daripada jumlah itu, sebanyak 4,035,876 kes berlaku di sekolah rendah dan selebihnya di sekolah menengah.

Insiden perlakuan agresif pelajar yang berlaku sejak kebelakangan ini, sering mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dan media tempatan. Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mendorong pelajar bersikap agresif, dan bentuk

tingkah laku agresif yang kerap dilakukan oleh pelajar mengikut persepsi pelajar di sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Agresif adalah tindakan melampau pelajar yang boleh menimbulkan masalah disiplin yang menjejaskan perlakuan dan tingkah laku pelajar. Masalah disiplin yang diwujudkan memberi tekanan kepada pelajar itu sendiri, keluarga, pihak sekolah, masyarakat dan negara. Disiplin adalah satu daya kawalan sosial yang amat diperlukan bagi mewujudkan suasana yang tenteram dan keadaan yang licin dan lancar.

Perlakuan pelajar yang agresif menimbulkan banyak masalah terutamanya kepada pihak sekolah dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lancar dan berkesan. Pelajar yang bertindak agresif di sekolah perlu ditangani dan dikawal daripada peringkat yang lebih awal lagi supaya masalah ini tidak berlarutan dan menjadi semakin parah yang boleh mengakibatkan pelbagai masalah disiplin dan mencabar kewibawaan sistem pendidikan sekarang ini.

Pelajar merupakan pemimpin hari esok dan kita semestinya tidak merelakan negara kita dipimpin oleh pemimpin dalam kalangan orang yang bermasalah. Maruah dan harga diri dan negara kita terletak pada rakyatnya dan tanggungjawab ibu bapa, guru dan masyarakat penting dalam membangunkan pelajar seperti ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau faktor-faktor berlakunya perlakuan agresif dalam kalangan pelajar dan jenis tindakan agresif pelajar di sekolah menengah yang menyumbang masalah kepada sekolah sekitar bandar Johor Bahru berdasarkan persepsi pelajar. Kajian ini juga bertujuan melihat perbezaan perlakuan agresif mengikut faktor tertentu dengan jantina dan perhubungan tingkah laku dengan pendapatan ibu bapa.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui tahap tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- (1) Mengetahui pasti faktor-faktor yang paling dominan (faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya yang mempengaruhi pelajar agresif).
- (2) Mengetahui pasti jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru.
- (3) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.
- (5) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) yang paling kerap berlaku dalam

kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru dengan pendapatan ibu bapa.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut;

- (1) Apakah faktor yang paling dominan (faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya yang mempengaruhi pelajar agresif).
- (2) Apakah jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) yang kerap terjadi dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- (3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.
- (4) Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar dengan pendapatan ibu bapa.

5.0 HIPOTESIS KAJIAN

- (1) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

Hipotesis nol 1:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor suasana sekolah terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

Hipotesis nol 2:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor latar belakang keluarga terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

Hipotesis nol 3:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor sikap pelajar terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

Hipotesis nol 4:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor psikologi terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

Hipotesis nol 5:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina.

- (2) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) dengan pendapatan ibu bapa.

Hipotesis nol 1:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis tingkah laku agresif (fizikal) dengan pendapatan ibu bapa.

Hipotesis nol 2:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis tingkahlaku agresif (verbal) dengan pendapatan ibu bapa.

Hipotesis nol 3:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis tingkahlaku agresif (anti sosial) dengan pendapatan ibu bapa.

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dibuat untuk melihat sejauh mana masalah pelajar yang bertindak secara agresif yang masih berlaku di sekolah dan faktor yang mendorong pelajar melakukan tindakan sedemikian di sekolah menengah. Pentingnya bagi pihak sekolah mengetahui kewujudan perlakuan agresif dalam kalangan pelajar bagi merancang pelbagai program untuk menangani masalah ini daripada berterusan dan memberi pelbagai motivasi kepada pelajar itu. Kajian ini juga penting sebagai pengetahuan kepada ibu bapa tentang salah laku anak mereka.

Dari hasil dapatan kajian ini diharap pihak yang bertanggungjawab terhadap isu ini seperti Kementerian Pelajaran mengambil langkah yang sewajarnya menangani masalah ini agar tidak menjadi semakin rumit. Setelah punca yang mendorong pelajar melakukan tindakan agresif dikenal pasti, maka pihak tertentu seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri, pihak sekolah serta guru dan ibu bapa dapat memperbaiki segala kelemahan yang berlaku di sekolah supaya tidak akan wujud masalah pelajar bertindak agresif seperti yang sentiasa dipaparkan di dada akhbar kini.

6.0 SAMPEL KAJIAN


Dapatan kajian ini juga terbatas kepada penggunaan sampel pelajar sekolah menengah di lima buah sekolah di sekitar kawasan Bandar Johor Bahru, iaitu SMK St Joseph, SMK(P) Engku Tun Aminah, SMK Tasik Utara 2, SMK Dato Jaafar dan SMK Aminuddin Baki. Kajian dijalankan di sekolah yang dinyatakan kerana sekolah dipilih memenuhi kriteria yang diperlukan dan sesuai untuk kajian kes yang terdiri dari pelajar yang bermasalah. Pemboleh ubah seperti faktor-faktor perlakuan agresif, jenis perlakuan agresif, jantina dan pendapatan ibu bapa digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan dalam kajian ini sahaja.

7.0 METADOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Majid (1998), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Jenis penyelidikan ini adalah jenis kajian soal selidik. Kajian dilakukan di lima buah sekolah menengah terpilih di kawasan bandar Johor Bahru, Johor terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu, dua dan empat. Soal selidik menggunakan Senarai Semak Masalah Mooney sebagai panduan. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates (1980) pula berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Soalan dibahagikan kepada tiga bahagian, A demografi, B faktor pelajar bertindak agresif dan C jenis tingkah laku agresif pelajar

Dapatan kajian ini juga adalah terbatas kepada penggunaan sampel pelajar sekolah menengah di lima buah sekolah di sekitar kawasan Bandar Johor Bahru, iaitu SMK St Joseph, SMK(P) Engku Tun Aminah, SMK Tasik Utara 2, SMK Dato Jaafar dan SMK Aminuddin Baki. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel kajian terdiri daripada 260 orang pelajar. Seramai 40 hingga 60 orang pelajar dari setiap sekolah telah dipilih secara rawak berperingkat.

Kerangka kajian



Rajah 1 Model kerangka kajian tentang perlakuan agresif pelajar menurut Teori Behaviourisme

Dalam rangka kajian teori (Rajah 1), penyelidikan dibuat untuk mengenal pasti faktor yang menjurus kepada perlakuan agresif pelajar dari sudut persepsi pelajar. Rangsangan terdiri daripada faktor pemboleh ubah bebas yang mana akan berlarutan sehingga menjadi kebiasaan kepada pelajar sehingga menjurus kepada perlakuan agresif. Rangsangan ini dari pemboleh ubah bebas yang berulang dan pelajar sudah terbiasa menyebabkan kehidupan pelajar menjurus kepada perlakuan agresif. Faktor pemboleh ubah bebas ini mempunyai peranan dan kesan yang besar ke arah perlakuan agresif pelajar. Perlakuan agresif pelajar disalurkan dalam bentuk tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial. Perlakuan agresif ini dikaji dari aspek pelajar kawasan bandar Johor Bahru dan nyata semuanya mempunyai perkaitan dan sentiasa berulang dalam kitaran yang sempurna dan lengkap.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Persoalan Kajian 1

Apakah faktor yang paling dominan seperti faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan pengaruh rakan sebaya terhadap pelajar agresif

Berdasarkan Jadual 1, pelajar melihat faktor suasana sekolah yang paling dominan menjurus kepada perlakuan agresif pelajar di sekolah menengah kerana pelajar tidak suka atau tidak selesa dengan suasana sekolah. Skor min tertinggi bagi suasana sekolah ialah 4.10 dengan sisihan piawai 0.95 bagi “saya suka berada di sekolah.” Seramai 199 orang (76.5 peratus) tidak bersetuju manakala seramai 1 orang (0.4 peratus) tidak pasti dan 60 orang bersetuju (25.4 peratus). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak suka berada di sekolah.

Jadual 1 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor suasana sekolah (n = 260)

Faktor Suasana Sekolah	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Saya suka dengan peraturan sekolah	50	19.2	33	7	177	68.1	3.75	1.1
Saya selesa dengan suasana sekolah	42	16.2	15	5.8	203	78.0	3.87	1.0
Saya suka berada di sekolah	60	25.4	1	0.4	199	76.5	4.1	0.95
Suasana pembelajaran di dalam kelas menyeronokkan	56	21.6	13	5.0	190	63.0	3.86	1.26
Sekolah saya sentiasa sibuk dengan pelbagai program	223	85.8	0	0	37	14.2	4.02	0.99
Suasana sekolah dapat membantu saya belajar dengan baik	41	15.7	43	16.5	176	67.7	3.64	1.02
Saya selesa dengan disiplin sekolah saya	56	21.6	71	27.3	133	51.2	3.28	0.83
Guru sentiasa mengambil tahu prestasi pelajarinya	75	28.9	0	0	185	71.1	3.65	1.22
Purata Keseluruhan							4.10	.56

Soalan “sekolah saya sentiasa sibuk dengan pelbagai program” menunjukkan skor min 4.02 dengan sisihan piawai 0.99. Seramai 223 orang (85.8 peratus) bersetuju dan 37 orang (14.7 peratus) tidak bersetuju menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju sekolah sentiasa aktif dengan pelbagai program untuk menjana pelbagai pengetahuan dan pengalaman dari aspek kurikulum dan kokurikulum kepada pelajar.

Pelajar berpendapat suasana sekolah dapat membantu mereka belajar dengan baik dengan skor min 3.64 dan sisihan piawai 1.0. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan ini, iaitu seramai 41 orang (15.7 peratus) bersetuju, 43 orang tidak pasti (16.5 peratus) dan 176 orang tidak bersetuju (67.7 peratus).

Skor min terendah dalam faktor suasana sekolah menentukan perlakuan agresif pelajar di sekolah ialah “saya selesa dengan disiplin sekolah” dengan skor min 3.28 dan sisihan piawai 0.82. Seramai 133 orang (51.2 peratus) tidak bersetuju, 71 orang (27.3 peratus) tidak pasti manakala seramai 56 orang (21.6 peratus) bersetuju dalam menentukan perlakuan pelajar yang agresif.

Berdasarkan Jadual 2, kebanyakan pelajar sangat bersetuju dan mengatakan ibu bapa mereka terlalu sibuk sehingga menjurus kepada kepincangan dalam sikap pelajar seterusnya mempengaruhi sikap mereka sewaktu di sekolah. Hasil dapatan daripada kajian didapati skor min tertinggi 4.27 dengan sisihan piawai 0.99 bagi “ibu bapa saya sentiasa sibuk.” Seramai 221 orang (85 peratus) bersetuju ibu bapa mereka sentiasa sibuk, 27 orang (10.4 peratus) tidak bersetuju ibu bapa mereka sentiasa sibuk manakala 12 orang (4.6 peratus) tidak pasti.

“Ibu bapa perihatin terhadap saya” menunjukkan skor min yang sederhana 3.94 dengan sisihan piawai 1.0. Seramai 209 orang pelajar (61.4 peratus) tidak bersetuju ibu bapa mereka perihatin dan 38 orang pelajar (29.6 peratus) bersetuju manakala 13 orang pelajar (5.0 peratus) tidak pasti bahawa faktor ini menyumbang kepada pelajar bertindak secara agresif di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru.

Jadual 2 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor latar belakang keluarga (n = 260)

Faktor Latar Belakang Keluarga	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Hubungan saya dengan ibu bapa/penjaga baik	53	18.4	0	0	212	81.5	3.68	.90
Ibu bapa saya sentiasa sibuk	221	85.0	12	4.6	27	10.4	4.27	.99
Ibu bapa saya tidak pernah memarahi saya	35	12.8	12	4.6	213	81.9	3.68	.72
Ibu bapa perihatin terhadap saya	38	14.6	13	5.0	209	61.4	3.94	1.0
Ibu bapa sentiasa mendisiplinkan saya	23	8.9	26	10.0	211	81.2	3.79	.74
Ibu bapa mengetahui aktiviti saya di luar rumah	31	11.9	29	11.2	200	76.3	3.87	.90
Ibu bapa meraikan harijadi saya	45	17.3	0	0	215	42.7	4.1	1.1
Ibu bapa sentiasa mengharapkan keputusan peperiksaan terbaik	161	61.9	61	23.5	38	14.7	3.53	.93
Purata Keseluruhan							3.86	.53

Faktor latar belakang pelajar yang menyumbang kepada perlakuan agresif pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru yang menunjukkan skor min yang paling rendah ialah “ibu bapa saya sentiasa mengharapkan keputusan peperiksaan yang terbaik” iaitu 3.53 dengan sisihan piawai 0.93. Seramai 161 orang pelajar (61.9 peratus) setuju, 61 orang pelajar (23.5 peratus) tidak pasti dan 38 orang pelajar (14.7 peratus) tidak bersetuju.

Skor min purata keseluruhan bagi taburan faktor latar belakang keluarga ialah 3.86 dengan sisihan piawai sebanyak 0.53. Ini menunjukkan faktor latar belakang keluarga berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3 menunjukkan taburan responden bagi faktor sikap pelajar yang menjurus kepada berlakunya perlakuan agresif dalam kalangan pelajar di kawasan bandar Johor Bahru. Hasil dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan skor min tertinggi 4.39 dengan sisihan piawai 0.98 bagi “saya suka mencuba sesuatu yang baru” dengan 229 orang pelajar (88.1 peratus) setuju, 6 orang pelajar (2.3 peratus) tidak pasti dan 25 orang pelajar tidak bersetuju (9.6 peratus).

Jadual 3 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor sikap pelajar (n = 260)

Faktor Sikap Pelajar	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Apabila ternampak rakan menconteng meja, saya akan menegurnya	41	15.8	12	4.6	204	65.5	3.80	1.04
Saya selalu menyiapkan kerja sekolah	52	20.0	45	17.3	163	62.7	3.81	1.17
Saya dapat menumpukan perhatian di dalam kelas ketika guru mengajar	29	1.1	4	1.5	227	83.3	4.03	.92
Saya suka berada di rumah	46	17.2	5	1.9	209	82.9	3.75	.98
Saya dapat mengawal perasaan marah	25	9.6	23	8.8	165	63.2	3.99	.94
Saya suka melibatkan diri dalam program sekolah	105	40.4	0	0	155	59.7	3.48	1.33
Saya suka mencuba sesuatu yang baru	229	88.1	6	2.3	25	9.6	4.39	.98
Saya suka berkawan dengan rakan sebaya	54	20.8	15	5.8	191	73.5	3.78	1.19
Purata Keseluruhan							3.88	.62

Skor min terendah untuk faktor sikap pelajar bagi menentukan faktor yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar ialah 3.58 dengan sisihan piawai 1.28 “saya suka melibatkan diri dalam program sekolah.” Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar menunjukkan 155 orang pelajar (59.7 peratus) tidak bersetuju dan 105 orang pelajar (40.4 peratus) bersetuju.

Secara keseluruhannya purata keseluruhan skor min bagi taburan bagi faktor sikap pelajar terhadap perlakuan agresif pelajar ialah 3.99 dengan sisihan piawai keseluruhan 0.55. Ini menunjukkan faktor sikap pelajar berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor psikologi (n = 260)

Faktor Psikologi	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Saya suka melepaskan perasaan marah	82	31.5	0	0	11	4.3	4.22	.71
Saya tahu mengatasi masalah diri	84	32.3	0	0	176	67.7	2.65	.94
Saya suka mengikut kehendak sendiri	180	69.3	27	10.4	53	20.4	3.51	.88
Saya seronok apabila menconteng	140	53.9	67	25.8	53	20.4	3.53	1.13
Saya merasa iri hati melihat pelajar lain menggunakan kemudahan sekolah	178	68.5	37	14.2	45	17.4	3.65	.96
Merosakkan harta benda sekolah dapat menarik perhatian orang	199	76.5	24	9.2	37	14.3	3.87	1.04
Saya berdendam dengan guru yang mendenda saya	214	82.3	5	1.9	41	15.8	4.25	1.24
Jika seseorang pelajar melakukan kesalahan, mesti menerima hukuman atas kesalahannya	171	65.8	18	6.9	71	27.2	3.55	1.22
Purata Keseluruhan							3.65	.55

Jadual 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan peratusan, min dan sisihan piawai terhadap faktor psikologi terhadap perlakuan agresif pelajar. Skor min tertinggi untuk “saya berdendam dengan guru yang mendenda saya” min 4.25 dengan sisihan piawai 1.24. Seramai 82 orang bersetuju (31.5 peratus) manakala 41 orang (15.8 peratus) tidak bersetuju. Purata semua pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru tidak bersetuju bahawa faktor psikologi menjurus kepada perlakuan agresif pelajar.

Skor min terendah dalam menentukan faktor yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar di lima buah sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru 2.6 dengan sisihan piawai 0.94. Daripada hasil dapatan kajian “saya tahu mengatasi masalah diri” menunjukkan seramai 84 orang pelajar (32.3 peratus) bersetuju, 176 orang pelajar (67.7 peratus) tidak bersetuju.

Purata keseluruhan skor min bagi faktor psikologi ialah 3.65 dengan purata keseluruhan bagi sisihan piawai ialah 0.55. Ini menunjukkan faktor psikologi terhadap perlakuan pelajar pada tahap yang sederhana.

Jadual 5 menunjukkan taburan mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor rakan sebaya dalam menentukan faktor yang paling dominan terhadap perlakuan agresif pelajar di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru. Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa faktor rakan sebaya “rakan saya tidak pernah melakukan kesalahan di sekolah” mempunyai jumlah skor min yang paling tinggi, iaitu 4.18 dengan sisihan piawai 1.17. Dapatan menunjukkan seramai 188 orang pelajar (64.5 peratus) tidak bersetuju atau manakala 36 orang pelajar bersetuju (13.8 peratus).

Jadual 5 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor rakan sebaya (n = 260)

Faktor Rakan Sebaya	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Saya selesa bersama rakan yang selalu ponteng kelas	177	68.1	2	0.8	81	31.1	3.33	1.01
Rakan saya selalu mendorong saya melakukan perbuatan baik	155	59.7	45	17.3	60	23.1	3.42	.93
Saya menurut pandangan rakan	175	67.3	26	10.0	59	22.7	3.43	.87
Saya mengulangkaji bersama rakan	174	66.9	0	0	86	33.1	3.31	1.0
Rakan saya sentiasa menolong saya	44	36.9	75	28.8	175	67.3	4.17	1.18
Rakan saya tidak pernah melakukan kesalahan di sekolah	36	13.8	0	0	188	72.3	4.18	1.22
Rakan saya seorang yang berdisiplin	30	11.6	42	16.2	188	72.3	3.76	.87
Saya setia apabila berkawan	156	60.0	59	22.7	45	17.2	3.82	1.16
Purata							3.68	0.58

Dapatan skor min 4.17 dengan sisihan piawai 1.18, “rakan saya sentiasa menolong saya” menunjukkan 175 orang pelajar (67.3 peratus) tidak bersetuju, seramai 44 orang pelajar (36.9 peratus) bersetuju manakala seramai 75 orang pelajar (28.8 peratus) tidak pasti sama ada rakan mereka sentiasa menolong atau tidak.

Faktor rakan sebaya “saya mengulangkaji bersama rakan” menunjukkan skor min yang paling rendah bagi menentukan faktor yang paling dominan, iaitu 3.31 dengan sisihan piawai 1.0. Hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan terhadap pelajar agresif menunjukkan seramai 174 orang pelajar (66.9 peratus) bersetuju mereka mengulangkaji bersama rakan mereka dan seramai 86 orang pelajar tidak bersetuju (33.1 peratus)

Purata keseluruhan menunjukkan skor min keseluruhan bagi faktor rakan sebaya ialah 3.68 dengan sisihan piawai keseluruhan ialah 0.58. Dapatan ini menunjukkan faktor rakan sebaya pada tahap yang tinggi.

Persoalan Kajian 2

Apakah jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) yang kerap terjadi di kalangan pelajar sekolah menengah

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi faktor jenis tingkah laku fizikal yang kerap berlaku di sekolah menengah di kawasan Johor Bahru. Skor min paling tinggi ialah 4.0 dengan sisihan piawai 1.01. Kebanyakan pelajar yang melakukan tindakan agresif dikatakan berpunca daripada keinginan “untuk mendapatkan sesuatu” seramai 217 orang (82.4 peratus) bersetuju, dan 43 orang (16.6 peratus) tidak bersetuju.

Hasil dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa skor min yang paling rendah terhadap tingkah laku fizikal 2.87 dengan sisihan piawai 0.89, iaitu “saya suka mencuba

Jadual 6 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi jenis tingkah laku fizikal (n = 260)

Tingkah Laku Fizikal	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Untuk mendapatkan sesuatu	217	83.4	0	0	43	16.6	4.0	1.01
Untuk mendapatkan wang	216	83.1	0	0	44	16.9	3.96	1.06
Untuk menunjukkan saya kuat	130	50.0	95	36.5	35	13.5	3.67	1.08
Kerana orang lain melakukan	182	70.0	0	0	78	30.0	3.41	1.10
Saya suka mencuba sesuatu yang berbeza dengan pelajar lain	62	23.8	90	34.6	108	41.5	2.87	.89
Saya mengasari dengan sengaja	80	30.8	76	29.2	104	40.0	2.91	.84
Saya bergaduh walaupun perkara yang kecil	110	42.4	51	19.6	99	38.1	3.11	1.03
Saya suka mengambil barangan milik orang	149	56.5	13	5.0	99	35.8	3.17	1.00
Purata Keseluruhan							3.57	.62

sesuatu yang berbeza dengan pelajar lain.” Seramai 108 orang pelajar tidak setuju (41.5 peratus) dan 62 orang (23.5 peratus) setuju manakala 90 orang (34.6 peratus) tidak pasti.

Purata keseluruhan bagi jenis tingkah laku fizikal yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah kawasan bandar Johor Bahru bagi skor min ialah 3.57 dengan sisihan piawainya ialah 0.62 dan ini menunjukkan tahap yang sederhana.

Jadual 7 menunjukkan bahawa taburan responden bagi jenis tingkah laku verbal. Pelajar suka mengejek pelajar lain menunjukkan skor min yang tertinggi 3.94 dan

Jadual 7 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi jenis tingkah laku verbal (n = 260)

Jenis Tingkah Laku Verbal	S		TP		TS		STS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%	f	%		
Untuk membalas dendam atau membalas semula	209	80.9	0	0	51	19.6	7	2.7	3.78	1.03
Saya dapat menerima pendapat orang lain	116	44.6	1	0.4	143	55.0	12	4.6	2.95	1.20
Saya suka bergaul dengan semua pelajar	176	67.7	26	10.0	58	21.3	4	1.5	3.43	.87
Saya berasa puas apabila dapat mengejek atau membuli rakan yang lemah	191	73.5	0	0	69	29.5	4	1.5	3.59	1.05
Saya suka mengeluarkan perkataan yang kesat	210	81.2	0	0	49	13.5	9	3.5	3.92	1.51
Saya membuatkan pelajar lain marah	193	74.2	26	10.0	41	15.8	3	1.2	3.57	.78
Saya suka mengejek pelajar lain	212	81.5	12	4.6	36	13.9	8	3.1	3.94	1.02
Saya suka mengugut pelajar	162	62.3	6	2.3	76	35.4	16	6.2	3.21	1.06
Purata Keseluruhan									3.53	.66

sisihan piawai 1.02. Seramai 212 pelajar (81.5 peratus) bersetuju mereka suka mengejek manakala 36 pelajar (13.9 peratus) tidak bersetuju dan hanya 12 orang (4.6 peratus) tidak pasti dengan tindakan mereka.

Pelajar suka mengeluarkan perkataan kesat semasa di sekolah apabila sebilangan besar bersetuju seramai 210 orang (81.2 peratus) dan 49 orang (13.5 peratus) tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Daripada hasil kajian yang telah dianalisis mendapati bahawa skor min yang paling rendah 2.95 dengan sisihan piawai 1.20 terhadap pernyataan “saya dapat menerima pendapat orang lain.” Seramai 116 orang (44.6 peratus) bersetuju mereka dapat menerima pendapat orang lain, satu orang (0.4 peratus) tidak pasti dan seramai 143 orang (55 peratus) tidak bersetuju mereka dapat menerima pendapat orang lain

Purata keseluruhan bagi jenis tingkah laku verbal yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah kawasan bandar Johor Bahru bagi skor min ialah 3.53 dengan sisihan piawainya ialah 0.66 dan menunjukkan tahap yang sederhana.

Jadual 8 menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa mereka telah melakukan tingkah laku anti sosial hanya untuk suka-suka dengan masing-masing min skor 3.77 dan sisihan piawai 1.21. Hasil dapatan menunjukkan seramai 190 orang pelajar (73.4 peratus) bersetuju, 70 orang (26.9 peratus) tidak bersetuju.

Jadual 8 Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi jenis tingkah laku anti sosial (n = 260)

Jenis Tingkah Laku Anti Sosial	S		TP		TS		Min	SP
	f	%	f	%	f	%		
Saya melakukan untuk suka-suka	190	73.1	0	0	70	26.9	3.77	1.21
Kerana mereka menyakiti hati saya	190	73.1	18	6.9	52	20.0	3.51	.85
Kerana mereka pengecut	207	78.1	0	0	56	21.5	3.63	1.01
Saya suka menjadi ketua	184	70.8	11	4.2	65	24.0	3.44	.90
Saya suka mengasingkan diri	168	64.6	15	5.8	77	29.6	3.32	.97
Saya cemburu melihat kawan saya berbual dengan orang lain	168	64.6	12	4.6	80	30.8	3.32	.96
Saya suka merosakkan sesuatu yang bukan milik saya	212	81.5	25	9.6	23	8.8	3.71	.68
Saya hanya bergaul dengan rakan sebangsa	199	76.5	0	0	61	24.5	3.51	.90
Purata Keseluruhan							3.43	.55

Skor min yang paling rendah terhadap faktor tingkah laku anti sosial dalam kalangan pelajar di sekolah menengah di kawasan bandar Johor Bahru bagi menentukan faktor yang paling kerap dilakukan oleh pelajar ialah 3.32 dengan sisihan piawai 0.97. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar agresif kebanyakan bersetuju mereka suka mengasingkan diri seramai 168 orang (64.6 peratus), 15 orang (5.8 peratus) tidak pasti dan 77 orang (29.6 peratus) tidak bersetuju.

Purata keseluruhan skor min bagi jenis tingkah laku anti sosial ialah 3.43 dengan sisihan piawai 0.55 dan ini menunjukkan tingkah laku anti sosial pada tahap sederhana.

Persoalan Kajian 3

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, faktor psikologi dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Jadual 9 Taburan Bilangan Responden Mengikut Ujian t Untuk Perbezaan antara faktor terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Faktor	Ujian- t untuk perubahan min			Terima dan tolak hipotesis nol
	T	Sig (2-ekor)	Perbezaan min	
Suasana Sekolah	-0.17	0.87	-0.02	Terima
Latar belakang keluarga	1.61	0.11	0.11	Terima
Sikap pelajar	0.70	0.48	0.06	Terima
Psikologi	1.29	0.20	0.09	Terima
Rakan Sebaya	-1.46	0.15	0.11	Terima

Signifikan pada aras keertian .05

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian mendapati nilai $p = 0.87 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor suasana sekolah mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis nol (1) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Hipotesis nol 2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor latar belakang keluarga terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian mendapati nilai $p = 0.11 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor latar belakang keluarga mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis nol (2) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor sikap pelajar terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian mendapati bahawa nilai $p = 0.48 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor sikap pelajar mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis nol (3) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Hipotesis nol 4: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor psikologi terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian mendapati nilai $p = 0.20 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor psikologi mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis nol (4) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Hipotesis nol 5: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor rakan sebaya terhadap pelajar agresif mengikut jantina

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian mendapati nilai $p = 0.15 > \alpha 0.05$. Memandangkan faktor rakan sebaya mempunyai nilai signifikan adalah lebih dari 0.05, maka hipotesis nol (5) diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Persoalan Kajian 4

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jenis tingkah laku agresif (fizikal, verbal dan antisosial) dengan pendapatan ibu bapa

Jadual 10 Jadual analisis perhubungan antara tingkah laku fizikal dengan pendapatan ibu bapa

Perhubungan	R	Sig	Terima Tolak hipotesis nol
Tingkah Laku Fizikal Dengan Pendapatan Ibu Bapa	-.112	.072	Terima
Tingkah Laku Verbal Dengan Pendapatan Ibu Bapa	-.177	0.004	Tolak
Tingkah Laku Anti Soaial Dengan Pendapatan Ibu Bapa	-.127	0.040	Tolak

Signifikan pada aras keertian 0.05

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku agresif (fizikal) dengan pendapatan ibu bapa

Jadual 10 mendapati nilai r ialah $-.112$. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara tingkah laku fizikal dengan pendapatan ibu bapa adalah lemah dan (-) adalah berkadaran songsang antara pemboleh ubah. Sementara $p = 0.075 > \alpha 0.05$. Hipotesis nol adalah diterima.

Hipotesis nol 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku agresif (verbal) dengan pendapatan ibu bapa

Jadual 10 mendapati nilai r ialah $-.177$, Ini menunjukkan hubungan antara tingkah laku verbal dengan pendapatan ibu bapa adalah lemah dan (-) adalah berkadaran songsang antara pemboleh ubah. Sementara $p = 0.004 > \alpha 0.05$. Hipotesis nol adalah ditolak.

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku agresif (anti sosial) dengan pendapatan

Jadual 10 mendapati nilai r ialah -0.127 , Ini menunjukkan hubungan antara tingkah laku anti sosial dengan pendapatan ibu bapa adalah lemah dan $(-)$ adalah berkadar songsang antara pemboleh ubah. Sementara $p = 0.040 > \alpha 0.05$. Hipotesis nol ditolak.

10.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor suasana sekolah merupakan faktor yang paling dominan terhadap pelajar agresif di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru dengan skor min 4.10 dan sisihan piawai 0.56. Perbincangan juga diikuti dengan kualiti berdasarkan faktor sikap pelajar itu sendiri 3.88 skor minnya dengan sisihan piawai 0.65. Faktor latar belakang keluarga berada dalam kumpulan ketiga dengan skor min 3.86 dan sisihan piawai 0.53 diikuti faktor rakan sebaya dengan skor min 3.68 dan sisihan piawai 0.58. Faktor yang paling kurang dominan ialah psikologi dengan skor min 3.65 dan sisihan piawai 0.55.

Min tertinggi bagi suasana sekolah ialah 4.10 dengan sisihan piawai 0.95 menunjukkan pelajar tidak suka berada di sekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak suka berada di sekolah. Suasana di sekolah lebih menyumbang kepada perlakuan agresif apabila pelajar tidak suka berada di sekolah kerana melihat suasana pembelajaran di kelas tidak menyeronokkan serta disiplin sekolah sangat ketat. Dapatan ini disokong oleh kajian Nikdiana (2007) yang mengatakan masalah utama dalam kalangan pelajar ialah berkaitan dengan pelajaran dan disiplin menyebabkan pelajar kurang tertarik pada pembelajaran di dalam kelas. Dapatan ini juga bersesuaian dengan data spesifik Morris yang telah dibuat 40 tahun lalu di Amerika Syarikat. Ini bermakna, masalah pelajar dalam bandar Johor Bahru sekarang ini sama keadaannya dengan pelajar Amerika Syarikat pada tahun 1960 dan mungkin hingga kini. Pelajar sepatutnya menggunakan kepentingan yang ada di sekolah kerana sekolah pada hari ini menyediakan banyak kelebihan untuk pelajar. Situasi ini terjadi mungkin kerana sikap malas, tidak minat untuk belajar oleh para pelajar atau faktor guru (Azizi, 2008).

Pelajar tidak suka dengan peraturan sekolah menyebabkan mereka mencari peluang untuk melepaskan diri dari sekolah. Pihak sekolah perlu membentuk persekitaran yang selamat dan dapat membentuk pelajar bersikap positif terhadap sekolah. Kajian menyokong dengan menyediakan program-program serta polisi-polisi yang positif melalui kerjasama yang erat antara komuniti sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Pelajar perlu mematuhi peraturan yang disediakan untuk memastikan perjalanan pembelajaran berjalan dengan baik dan keenggaran pelajar ini kerana mereka tidak memandang peraturan sebagai sesuatu yang positif (Banks & Stephanie, 2000).

Kebanyakan sekolah di sekitar bandar Johor Bahru sentiasa sibuk dengan pelbagai program sama ada kurikulum ataupun kokurikulum. Kesibukan sekolah tidak

disenangi pelajar agresif di sekolah menengah di kawasan Bandar Johor Bahru. Dapatan ini bertentangan dengan Bucher (1983) telah membuat satu kajian terhadap 200 pelajar perempuan mengenai pandangan mereka tentang manfaat yang diperoleh daripada penglibatan dalam kokurikulum. Responden bersetuju aktiviti ini menyumbang perkembangan jasmani dan sahsiah yang positif. Pihak sekolah perlu merangka pelbagai program untuk memberi sebanyak mungkin ilmu kepada pelajar agar dapat melahirkan pelajar yang berkualiti. Keaktifan sekolah tidak sejajar dengan murid menyebabkan suasana pembelajaran kurang memuaskan dan ramai pelajar mengambil peluang untuk ponteng kelas yang seterusnya menyumbang kepada perlakuan agresif pelajar walaupun ada sekolah yang menyediakan modul yang mencukupi untuk pelajarannya.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai skor min yang tiada perbezaan yang ketara dan menunjukkan semua jenis tingkah laku ini paling kerap berlaku di sekolah menengah. Akan tetapi skor min yang paling tinggi antara tiga ialah tingkah laku fizikal dengan skor min 5.57 dan sisihan piawai 0.62. Jenis tingkah laku yang paling kerap dari persepsi pelajar dinilai mengikut berapa kerap pelajar melakukan perbuatan ini terhadap pelajar lain. Dapatan kajian menunjukkan pelajar melakukan kesalahan tingkah laku fizikal untuk mendapatkan sesuatu dengan skor min 4.0 dengan sisihan piawai 1.01. Seramai 155 orang (59.6 peratus) bersetuju menyatakan jenis tingkah laku fizikal di tahap tinggi. Dapatan ini di sokong oleh Maccoby dan Jacklin (1974,1980) yang berpendapat remaja berumur 16 tahun suka membuli secara fizikal. Azizi (2004) juga berpendapat sedemikian dalam sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan.

Kekecewaan, kejengkelan, dan serangan semuanya menyebabkan seseorang itu berasa mudah marah. Perasaan marah ini adalah satu daripada unsur yang penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Biasanya seseorang yang marah lebih cenderung untuk bersikap agresif. Ada juga seseorang itu bertindak agresif tanpa merasa agresif (Azizi, 2004). Oleh itu, faktor untuk mengawal tingkahlaku agresif sama penting dengan menimbulkan perasaan agresif. Pengetahuan lampau merupakan mekanisme penting untuk menentukan manusia yang bertingkah laku agresif. Golongan ini juga percaya keagresifan dapat mendatangkan keuntungan dan harga diri dapat dipertingkatkan dengan mendominasi orang lain sebelum perkara yang serius berlaku (Crick dan Dodge, 1996)

Berdasarkan kepada dapatan, dapat dikatakan pelajar melakukan tindakan agresif ini untuk mendapatkan wang, menunjukkan mereka kuat serta suka mencuba sesuatu yang baru. Fenomena ini menjurus kepada kesalahan juvana Stumphauzer (1986) yang mentakrifkan pesalah juvana sebagai remaja yang lakukan tingkahlaku agresif. Untuk menjadi pesalah yang rasmi, remaja atau kanak-kanak tersebut telah mencabul undang-undang negara atau kehakiman kerajaan. Salah laku ini boleh merangkumi ponteng, buli, gangsterisme, merokok, mencuri, peras ugut, menghisap dadah, pelanggaran disiplin hingga ke jenayah berat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang, psikologi, sikap pelajar dan rakan sebaya terhadap pelajar agresif dengan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Oleh itu hipotesis boleh di terima berdasarkan analisis ujian-t. Ini menunjukkan semua faktor tidak mempunyai perbezaan terhadap pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Hipotesis saya mengandaikan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkahlaku fizikal dengan pendapatan ibu bapa. Hasil analisis menunjukkan hubungan yang lemah (-.112) dan nilai negatif menunjukkan pemboleh ubah berkadaran songsang di mana satu pemboleh ubah meningkat dan yang lain akan menurun dan begitu sebaliknya. Nilai yang tidak signifikan (0.075) berbanding aras signifikan 0.05 menunjukkan tidak terdapat hubungan. Hasil kajian ini menunjukkan tingkah laku fizikal pelajar tidak signifikan dengan pendapatan ibu bapa bagi pelajar di lima buah sekolah di kawasan bandar Johor Bahru.

Hipotesis mengandaikan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku verbal dan antisosial dengan pendapatan ibu bapa. Hasil analisis menunjukkan hubungan yang lemah (-.177) dan (-.127) nilai negatif menunjukkan pemboleh ubah berkadaran songsang di mana satu pemboleh ubah meningkat dan yang lain akan menurun dan begitu sebaliknya. Nilai yang signifikan (0.004) dan (0.040) berbanding aras signifikan 0.05 menunjukkan terdapat hubungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku verbal dan tingkah laku anti sosial dengan pendapatan ibu bapa.

11.0 CADANGAN

Berdasarkan dapatan, perbincangan dan rumusan daripada kajian yang dijalankan, penyelidik ingin memberikan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pelajaran, JPN, PPD, pengetua, guru-guru dan ibu bapa khususnya di daerah Johor Bahru.

- (1) Dapatan kajian menunjukkan faktor suasana sekolah menyumbang kepada perlakuan agresif pelajar yang paling dominan, maka dicadangkan pihak Kementerian Pelajaran dapat merangka dan mewujudkan model program bagi pelajar agresif dengan lebih efektif khusus bagi mencegah dan menangani masalah perlakuan agresif di sekolah.
- (2) Dapatan kajian ini juga mendapati pelajar merasakan guru kurang menyokong dan memberi perhatian terhadap masalah yang dialami oleh mereka maka dicadangkan pihak Kementerian Pelajaran merangka serta membentuk program latihan kepada guru-guru tentang bagaimana untuk mengenal pasti dan menangani masalah perlakuan agresif dalam kalangan pelajar sekolah.
- (3) Dapatan kajian juga mendapati tindakan yang kerap berlaku ialah tingkah laku secara fizikal. Dicadangkan pihak sekolah mewujudkan dasar yang tidak bertoleransi dengan perlakuan agresif secara fizikal di sekolah. Tindakan positif

boleh dilakukan dengan mewujudkan peraturan yang jelas berkenaan perlakuan agresif bagi mencegah pelajar melakukan kesalahan yang lebih serius. Antara langkah yang baik seperti memperkasakan lagi program pembimbing rakan sebaya.

- (4) Kajian juga menunjukkan ibu bapa kurang memberi perhatian kepada pelajar. Penglibatan ibu bapa amat penting dalam setiap program yang dijalankan oleh pihak sekolah sangat diperlukan.
- (5) Kajian juga mendapati pelajar sentiasa berdendam dengan pelajar dan guru. Adalah tidak mustahil mereka akan melakukan tindakan agresif di luar waktu sekolah. Kerjasama pihak luar seperti komuniti, pihak Polis dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah perlu untuk memantau kegiatan para pelajar terutama sekali semasa dalam perjalanan ke sekolah dan pulang dari sekolah.

12.0 KESIMPULAN

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan dapatlah dibuat kesimpulan bahawa faktor yang paling dominan ialah faktor suasana sekolah yang mempengaruhi pelajar berkelakuan agresif di sekolah menengah harian biasa di lima buah sekolah di kawasan Bandar Johor Bahru. Suasana pembelajaran di sekolah amat penting dalam menyemai minat mencari ilmu kepada pelajar. Suasana pembelajaran yang selesa dengan semua pihak bekerjasama untuk mewujudkan suasana yang baik akan dapat mengurangkan perlakuan agresif pelajar kerana mereka akan dapat menyalurkan tingkah laku yang berlebihan dalam diri mereka dengan betul. Bagi mencapai matlamat ini, semua pihak mesti memberikan komitmen yang tinggi seperti pihak sekolah, guru, rakan sebaya dan pelajar itu sendiri. Pelajar juga lebih kerap melakukan kesalahan fizikal seperti memukul, mencederakan, menyakitkan, membuli, mencuri dan vandalisme di sekolah mengikut persepsi pelajar kerana melakukan kesalahan fizikal dapat memberi kepuasan yang lebih berbanding tingkah laku yang lain seperti tingkah laku verbal dan anti sosial. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan di antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, psikologi dan rakan sebaya bagi pelajar agresif dengan jantina. Hubungan di antara tingkah laku dengan pendapatan ibu bapa menunjukkan tahap yang lemah dan hubungan dua pemboleh ubah berkadaran songsang.

RUJUKAN

- Atan Long. 1988. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahman Hamdan. 2007. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya, Amir Hamzah Abdul. 2004. *Psikologi Sosial*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baker, T. L. 1994. *Doing Social Research*. 2nd Edn. New York: McGraw-Hill Inc.
- Bodinger-deUriate. 1993. *Theories of Adolescence*. New York: Random House Inc.

- Borg, M. J. 1999. The Extent and Nature of Bullying Among Primary and Secondary School Children. *Educational Research*. 41: 137-153.
- Chiam Heng Keng. 1982. *Indiscipline in School, Some Case Study*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Dawkins, J. 1995. Bullying in School: Doctors' Responsibilities. *British Medical Journal*. 310: 274-5.
- Hassan Hj Mohd Ali. 1996. *Kesilapan Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hussein Mah. & Kamaruddin A. R. 1984. Beberapa Pandangan dan Dapatan yang Berkaitan dengan Disiplin di Sekolah. *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*. Keluaran 65. Jilid XXVIII: Jemaah Nazir Sekolah.
- Mohd Salleh Abu Bakar dan Zaidatun Tasir. 2001. *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows*. Kuala Lumpur: Intan Spektra Sdn. Bhd.
- Morris, D. B. 1962. *Sex Difference in the Life Problems of Adolescent, 1935 and 1954*. Reading in Educational Psychology. New York: The Macmilan Co.
- Muhd Mansur Abdullah. 1998. *Teori-Teori Kaunseling*. Kuantan: Hug Publisher.
- Nik Aziz Nik Pa. 1991. Keluarga Sejahtera Sebagai Landasan Bagi Realisasi Wawasan 2020. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 2: 22-31.
- Olweus, D. 1978. *Aggression in the School: Bullying and Whipping Boys*. Washington, DC: Hemisphere, Wiley.
- Salmivalli, C. 1998. Intelligent, Attractive, Well-behaving, Unhappy: The Structure of Adolescents' Self-concept and its Relations to Their Social Behavior. *Journal of Research on Adolescence*. 8: 333-354.
- Samsuddin A Rahim et. al. 1994. *Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsuddin Mahmud. 1990. *Kemurungan di Kalangan Pelajar-Pelajar yang Rendah Motivasi dan Rendah Pencapaian Akademik*. Bangi: Selangor
- Smith dan Sharp. 1994. The Problem of School Bullying. In P. K. Smith & S. Sharp (Eds.). *School Bullying Insights and Perspectives*. London: Routledge.
- Syarifah Alwiyah Al-Sagoff. 1987. *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif Bimbingan dan Kaunseling*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.